

245 pelajar KV Johor didedah cara hidup di kampus

BATU PAHAT - Seramai 245 pelajar cemerlang tahun akhir di Kolej Vokasional (KV) seluruh negeri berpeluang menimba ilmu apabila didedah dengan cara hidup di kampus.

Mereka yang merupakan pelajar tahun akhir Diploma Vokasional Malaysia (DVM) turut berpeluang dan diajar cara yang betul sekiranya mahu melanjutkan pengajian di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) UTHM.

Pengarah KV Batu Pahat, Abdul Rashid Ahmad ber-

kata, selaku penyelaras program berkenaan, inilah kali pertama kerjasama dilakukan dengan UTHM yang memberi pendedahan kepada pelajar KV di seluruh Johor.

Menurutnya, paling penting yang diberikan kepada pelajar dari lapan KV dan sebuah Sekolah Menengah Teknik (SMT) ini ialah peluang mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

“Dalam program ini ia adalah lebih kepada pembakar semangat pelajar ber-

kenaan untuk terus belajar dan tidak hanya berpuas hati dengan diploma kemahiran yang mereka miliki di mana-mana KV.

“Sebelum ini disebabkan kurangnya pendedahan berkenaan yang membuatkan pelajar lepasan KV ini tidak melanjutkan pengajian mereka dan terus menempuh alam pekerjaan semata-mata. Dalam masa yang sama ia juga memperkasakan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), sekali gus membuang persepsi sebagai pen-



Antara pelajar cemerlang KV seluruh Johor yang menyertai program Selangkah KV ke FPTV UTHM.

didikan kelas kedua,” kata-

nya. Beliau berkata demikian semasa program Selangkah

KV ke FPTV UTHM yang dihadiri Dekan FPTV UTHM, Dr Wan Mohd Rashid Wan Ahmad; Ketua Apel UTHM,

Dr Saifulizam Puteh dan Pengurus program Selangkah KV ke FPTV UTHM, Abd Ghani Jahuri.